



*Kementerian Pembangunan
Wanita Dan Keluarga*

**GARIS PANDUAN UNTUK PERTIMBANGAN
PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA
PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN
(NGO)**

**JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini bertujuan memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat, kelayakan dan prosedur permohonan kepada pihak-pihak yang ingin memohon peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan bagi melaksanakan program pembangunan wanita dan keluarga anjuran bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

2.1. Pihak yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:-

- a. NGO yang mempunyai kumpulan sasar wanita, keluarga dan masyarakat;
- b. NGO yang ditubuhkan secara rasmi, berdaftar dan diiktiraf oleh Kementerian bersesuaian dengan dasar dan kuasa undang-undang yang berkaitan bagi melaksanakan sesuatu program yang mempunyai kepentingan kebajikan dan kemasyarakatan;
- c. NGO yang tidak berorientasikan keuntungan (*non-profit making*);
- d. NGO yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh akan lebih dipertimbangkan; dan
- e. NGO yang mempunyai perancangan yang konkrit untuk membiayai projek/program selepas tempoh penerimaan bantuan.

2.2. Pihak yang tidak layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:-

- a. Tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
- b. Entiti yang berdaftar yang mementingkan keuntungan (*profit-oriented*);
- c. Tidak diluluskan oleh Perlembagaan masing-masing untuk bergerak dalam bidang yang sama di bawah *jurisdiction* Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
- d. Pertubuhan politik dan orang perseorangan; dan
- e. Telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan.

2.3. Projek/Program yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:-

- a. Selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang ditetapkan oleh KPWKM;
- b. Permohonan berbentuk projek/program akan diberi keutamaan, namun permohonan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan penyelenggaraan projek/program akan diberi pertimbangan khusus contohnya bayaran honorarium bagi pekerja yang diambil sementara bagi tujuan pengendalian projek;
- c. Tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik;
- d. Memberi manfaat kepada sebilangan besar kumpulan sasar KPWKM;
- e. Projek/Program baru akan hanya dipertimbangkan setelah laporan kemajuan dan penilaian projek diterima oleh Bahagian Pemantauan, Penilaian dan Penyelarasan (BPPP) di Jabatan /agensi masing-masing yang berkaitan;
- f. Keutamaan akan diberikan kepada NGO baru yang belum pernah mendapat bantuan daripada Kementerian.

2.4. Projek/Program yang tidak layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:-

- a. Kumpulan sasar projek/program bukan wanita, keluarga dan masyarakat;
- b. Melibatkan pembelian harta modal/aset seperti bangunan, kenderaan, komputer, mesin jahit, dapur, oven pembakar kuih, dan seumpamanya;
- c. Bantuan modal/pinjaman bagi tujuan memulakan perniagaan;
- d. Projek/Program yang bermotifkan keuntungan (profit oriented) untuk Pertubuhan;
- d. Projek/Program yang telah dilaksanakan sebelum permohonan dikemukakan atau diluluskan;
- e. Di luar bidang tugas Kementerian;
- f. Bayaran gaji, elaun, potongan KWSP dan SOCSO untuk kakitangan Persatuan/Pertubuhan secara tetap dan berterusan;

- g. Projek/Program yang melibatkan penajaan biasiswa/dermasiswa atau apa-apa jenis bantuan berbentuk wang tunai/derma kepada golongan ibu tunggal/wanita yang kurang bernasib baik/anak yatim dan sebagainya;
- h. Projek/Program berbentuk lawatan samada di dalam atau di luar negara;
- i. Projek/Program yang boleh menimbulkan isu perkauman; dan
- j. Projek/Program yang melibatkan perbelanjaan bermewah contohnya mengadakan kursus di hotel-hotel yang mewah yang jauh daripada tempat tinggal peserta.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1. NGO yang ingin memohon bantuan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Semua permohonan Bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Bantuan seperti di **Lampiran B**;
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 60 hari sebelum tarikh pelaksanaan projek/program;
- c. Permohonan hendaklah disertakan dengan sesalinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan yang berkenaan, Perlembagaan atau *Memorandum of Articles*, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah disahkan oleh ROS/ Pesuruhjaya Sumpah/Pegawai Kumpulan A dan kertas kerja yang lengkap;
- d. Kertas kerja yang lengkap antara lain hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-
 - i. Keterangan projek dan jangkaan faedahnya kepada kumpulan sasaran;
 - ii. Anggaran keperluan kewangan dan kos secara terperinci bagi setiap projek/program yang dicadangkan;
 - iii. Kedudukan kewangan terkini dan rancangan masa hadapan untuk meneruskan aktiviti tanpa bantuan tambahan;
 - iv. Keupayaan dan kaedah untuk melaksanakan projek/program, misalnya dari segi organisasi/jawatankuasa/jentera yang ada;

- v. Maklumat mengenai bantuan yang diterima daripada Kementerian/Jabatan lain, sekiranya ada;
 - vi. Cadangan untuk mengenakan yuran penyertaan/caj kepada orang awam/peserta bagi projek/program yang dipohon sekiranya berkaitan; dan
 - viii. Keterangan bagaimana NGO boleh membantu Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan kepada masyarakat.
- e. Bagi NGO yang pernah menerima bantuan daripada KPWKM, sila nyatakan tahun dan jumlah bantuan diterima;
 - f. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan;
 - g. Kertas kerja boleh dikemukakan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; dan
 - h. Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Bantuan Khas KPWKM.

4. PROSEDUR SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN

- a. Satu surat perjanjian akan dimeterai di antara KPWKM dengan NGO yang menerima bantuan selepas permohonan diluluskan;
- b. Surat perjanjian (dalam 2 salinan asal) yang telah ditandatangani hendaklah 'diduti stem' oleh NGO yang menerima bantuan. Satu salinan dikembalikan kepada KPWKM dan satu salinan disimpan oleh penerima bantuan. Kos 'duti stem' surat perjanjian akan ditanggung oleh NGO berkenaan; dan
- c. Cek-cek bantuan akan dikeluarkan kepada penerima bantuan setelah satu salinan surat perjanjian yang telah 'diduti stem' dikembalikan kepada KPWKM.

5. PENGIKTIRAFAN KEPADA KERAJAAN

Projek/program NGO yang dibiayai melalui Bantuan ini sewajarnya memberikan pengiktirafan kepada Kerajaan dengan menyatakan di tempat yang sesuai, bahawa projek/ program berkenaan adalah anjuran bersama dengan KPWKM melalui penggunaan logo-logo Kerajaan dan Kementerian.